

No. Soalan: 27  
PR-1352-L02161

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH** : **7 OGOS 2017**

**SOALAN** : **Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kedudukan terkini tentera Negara China di Kepulauan Spratly dan (selain penyelesaian diplomatik) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan perairan negara selamat dan dilindungi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Simpang Renggam atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, (dengan izin) *non-militarisation*, *self-restraint* dan mengelakkan penggunaan kekerasan, adalah amat kritikal.

3. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah diselesaikan secara aman. Semua tuntutan dan penyelesaiannya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS 1982*.

4. Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.

5. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau (dengan izin) *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982*.

7. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau (dengan izin), *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

8. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

9. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China juga sedang berusaha untuk mewujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau (dengan izin), *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*. Berhubung dengan perkara ini, *Framework of the COC* yang mengandungi elemen-elemen *COC* telah dimuktamadkan. *Framework* ini akan menjadi asas kepada perundingan di antara negara-negara ASEAN dan China berhubung pewujudan *COC*.

10. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Berhubung dengan kegiatan tentera laut China di Laut China Selatan, Kerajaan sentiasa memantau perkara ini. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, pembinaan penempatan tentera China di beberapa *maritime features* di Laut China Selatan ini tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia.

12. Agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan negara sentiasa melaksanakan rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

13. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau (dengan izin), *freedom of navigation* kepada kapal-kapal asing termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal ini di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

14. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

15. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.